

## USAHA INOVATIF DALAM PENYEBARAN ILMU TAFSIR AL-QUR'AN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<sup>(\*)</sup>

*(Innovative Efforts in Spreading the Knowledge of the Qur'an Interpretation in Brunei Darussalam)*

Sarinah Yahya<sup>1</sup>

### ABSTRACT

The study of knowledge always requires a form of innovation in its delivery and dissemination. This is no exception in the field of Islamic studies, especially the study of Tafsir al-Qur'an. This article describes the efforts of Brunei Darussalam in disseminating knowledge related to the Qur'an and its interpretation that has gone through several progressive phases. Although the effort can be said to be slow compared to other countries, but in terms of the size of Brunei and the small population, innovative and creative ideas in the study of Tafsir al-Qur'an are implemented. Historical analysis is used in this study and is discussed descriptively and comparatively in explaining the history and innovative efforts gradually in the study of the Qur'an and Tafsir in Brunei. The study found that Brunei is actively working to increase the idea of innovation and creativity in several services to knowledge related to the Qur'an.

**Keywords:** *Qur'anic Innovation, Qur'anic Studies Creativity, Mushaf Brunei Darussalam, Digital Technology, Smart Applications*

### ABSTRAK

Pengajian ilmu sentiasa memerlukan satu bentuk inovasi dalam penyampaian dan menyebarluaskannya. Ini tidak terkecuali bidang pengajian agama Islam, khususnya pengajian ilmu Tafsir al-Qur'an. Artikel ini menjelaskan usaha Negara Brunei Darussalam dalam penyebaran ilmu berkaitan al-Qur'an dan tafsirnya yang telah melalui

---

<sup>(\*)</sup> This article was submitted on: 26/11/2019 and accepted for publication on: 16/11/2020.

<sup>1</sup> (PhD), Penolong Profesor, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. E-mel: [sarinh.yahya@unissa.edu.bn](mailto:sarinah.yahya@unissa.edu.bn).

beberapa fasa yang progresif. Sungguhpun usaha tersebut boleh dikatakan perlahan jika dibandingkan dengan negara-negara lain, namun dari aspek bentuk Brunei yang kecil dan jumlah penduduk yang tidak ramai, idea inovatif dan kreatif dalam pengajian Tafsir al-Qur'an ada dilaksanakan. Kupasan berbentuk historis digunakan dalam kajian ini dan dibincangkan secara deskriptif serta komparatif dalam menjelaskan sejarah dan usaha inovatif secara beransur-ansur dalam pengajian al-Qur'an dan Tafsir di Brunei. Kajian mendapati Brunei giat berusaha meningkatkan idea inovasi dan kreativiti dalam rangkaian khidmat kepada ilmu berkaitan al-Qur'an

**Kata Kunci:** *Inovasi al-Qur'an, Kreativiti Pengajian al-Qur'an, Mushaf Brunei Darussalam, Teknologi Digital, Aplikasi Pintar*

## 1. PENDAHULUAN

Pengajian bidang Tafsir al-Qur'an sekian lama dijalankan dengan kaedah tradisional secara kuliah atau pengajaran di dalam kelas, sama ada dalam bentuk formal di pelbagai peringkat pengajian mahu pun tidak formal. Usaha inovatif yang melibatkan jurusan ini tidak begitu menyerlah dan ini sikit sebanyak membuatkan pengajaran dan pembelajaran Tafsir al-Qur'an nampak statik dan membosankan. Statistik keramaian pelajar universiti di Negara Brunei Darussalam yang mengambil jurusan Tafsir juga dilihat rendah dibandingkan dengan keramaian pelajar dalam jurusan Usuluddin yang sama tetapi berbeza pengkhususan iaitu Aqidah dan Dakwah, serta jurusan pengajian Islam yang lain.

Oleh itu, kajian ini bermatlamat menjelaskan peranan Brunei dalam mengusahakan inovasi yang melibatkan penyebaran ilmu Tafsir al-Qur'an. Kajian berbentuk kualitatif dengan kaedah historikal dan dibincangkan secara deskriptif dan komparatif bagi memperincikan sejarah serta usaha inovatif beberapa fasa dan peringkat dalam pengajian al-Qur'an dan Tafsir di Brunei.

Sejarah membuktikan inovasi al-Qur'an juga wujud dari aspek terbitan dan cetakan. Malah jauh lama sebelum itu usaha inovasi terhadap al-Qur'an dilakukan dengan penambahan baris dan titik di dalam *Dhabit al-Qur'an* hasil ilham Abu al-Aswad al-Du'ali dan Nashr bin Ashim. Kemajuan inovasi terawal ini telah memberi impak positif kepada maslahah umat Islam dalam pembacaan al-Qur'an, khususnya bagi umat Islam yang bukan bertutur dalam bahasa Arab. Seterusnya sejajar dengan perkembangan zaman, al-Qur'an telah mengalami inovasi dalam pelbagai bentuk, antaranya seperti penggunaan warna bagi huruf-

huruf di dalam Mushaf, al-Qur'an dalam bentuk digital dan aplikasi al-Qur'an melalui gajet pintar.<sup>2</sup>

Ini menunjukkan bahawa keperluan kepada usaha inovasi dan kreativiti dalam penyebaran ilmu agama Islam adalah sesuatu yang diterima agama. Negara Brunei Darussalam seperti negara-negara Islam yang lain turut sama-sama mengusahakan inovasi dalam penyebaran ilmu Tafsir al-Qur'an. Penjelasan berikutnya adalah antara usaha-usaha inovatif Negara Brunei Darussalam dalam aspek berkaitan ilmu Tafsir al-Qur'an, pengajian, pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya.

## 2. MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM DAN TERJEMAHANNYA

Penerbitan Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya adalah susulan penerbitan Mushaf al-Qur'an bertulisan tangan yang dinamakan "*Mushaf Brunei Darussalam*" pada tahun 1992 dan cetakan kedua Mushaf edisi kecil pada tahun 2007.<sup>3</sup> Asal penerbitan "*Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya*" terdiri daripada sepuluh jilid yang mengandungi tiga juz al-Qur'an dalam setiap jilid. Ia mula diterbitkan pada tahun 2009 dengan penerbitan jilid pertama terdiri daripada juz 1 hingga 3 al-Qur'an. Penerbitannya dilakukan secara berperingkat-peringkat sehingga selesai kesemuanya dengan terbitan jilid terakhir iaitu jilid kesepuluh yang terdiri daripada juz 28-30 al-Qur'an.<sup>4</sup>

"*Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya*" ini sebenarnya sudah lama disiapkan sebelum mula diterbitkan, iaitu pada tahun 1994. Pusat Dakwah Islamiah telah menyiapkan terjemahan 30 juz al-Qur'an yang diusahakan semenjak tahun 1987 oleh beberapa orang pegawai lepasan Universiti al-Azhar.

---

<sup>2</sup> Mohamad Redha Mohamad, Nik Mohd Nabil Ibrahim @ Nik Hanafi & Muhammad Firdaus Abdul Manaf. (2017). Inovasi Al-Quran: Kelebihan, Cabaran dan Solusi. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)*. Malaysia: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Hlm. 368.

<sup>3</sup> Titah Perutusan. *Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya*. (t.t.). t.p. Jld. 1. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah. Hlm. ii.

<sup>4</sup> Sarinah Yahya. (2015). Manhaj Tafsiran Ayat Sifat Dalam Mushaf Brunei Darussalam Dan Terjemahannya. *Prosiding Seminar Serantau Sumbangan Ulama Asha'irah dan Maturidiyyah dalam Pemantapan Akidah Islamiah*. Brunei: Fakulti Usuluddin, UNISSA. Hlm. 211-212. Lihat juga: Sarinah Yahya. (2019). Sejarah Perkembangan Pengajian dan Penulisan Al-Qur'an di Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Ar-Ra'iq*. Vol. 2, No. 2. December 2019. Hlm. 91-92. [www.unissa.edu.bn/journal/index.php/ar-raiq/article/view/91/91](http://www.unissa.edu.bn/journal/index.php/ar-raiq/article/view/91/91).

Terjemahan tersebut telah selesai disemak dalam tahun 1997 oleh pegawai-pegawai utama dan tenaga akademik Institut Pengajian Islam. Ia telah siap dinaipset dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi persiapan untuk diterbitkan oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Rasional penerbitan “Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya” ini adalah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1428H/2007M:

*“...Beta amatlah gembira difahamkan, bahawa satu usaha sedang dibuat untuk menyusun Tafsir al-Qur'an yang diberi nama Tafsir Darussalam. Beta harap, usaha ini akan berjaya dan kejayaan itu kelak akan menjadi satu lagi mercu tanda kegemilangan Islam di Negara ini. Ia juga akan turut menambah banyak lagi bahan rujukan memahami kandungan al-Qur'an, di samping kitab Tafsir yang muktabar yang sedia ada”.*

Penerbitannya secara berperingkat-peringkat dimaksudkan supaya memberi kesempatan bagi sebarang pembetulan, jika ada, dan juga mengemas-elokkan sebelum diterbitkan sepenuhnya tiga puluh juz.<sup>5</sup>


Kemudian edisi lengkap 30 juzuk atau dalam bentuk satu jilid saja “Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya” dilancarkan pada 17 Ramadhan 1435H bersamaan dengan 14 Julai 2014M. Ia disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1435 Hijrah/2014 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Menurut titah Sultan Brunei, detik tersebut merupakan satu lagi catatan sejarah yang terpahat bagi Negara Brunei Darussalam dalam bidang pengajian dan penterjemahan al-Qur'an. Ia adalah hasil usaha seratus peratus anak tempatan yang diterbitkan bagi memberi kemudahan kepada umat Islam di Negara ini untuk memahami, mendalami isi al-Qur'an dan membuat sebarang rujukan berkaitan dengannya.

<sup>5</sup> Za'im Zaini. (2017). Ministry begins work on Tafsir Darussalam. *Borneo Bulletin*. 26 June 2007. <http://www.brusearch.com/news/11381>. Teks Ucapan YM Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama di Majlis Doa Selamat Bagi Kerja Penyusunan dan Penyemakan Tafsir Darussalam.

Ia juga merealisasikan hasrat Negara untuk memiliki bahan rujukan memahami kandungan al-Qur'an dengan ‘inayah dan petunjuk Allah s.w.t.<sup>6</sup>

**Gambar 1**

**Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya Edisi Lengkap Satu Jilid**



Sumber Gambar: Penulis sendiri dan The Brunei Times

Penerbitan “Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya” ini boleh dianggap sebagai satu bentuk inovasi dalam penyebaran ilmu Tafsir al-Qur'an di Brunei. Sebelum ini terjemahan al-Qur'an yang digunakan oleh masyarakat Brunei dalam pengajian Islam menggunakan versi terjemahan negara-negara jiran Malaysia dan Indonesia, selain menggunakan terjemahan al-Qur'an dalam

<sup>6</sup> Hajah Siti Zuraiyah Haji Sulaiman. (2014). Berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1435 Hijrah. *Pelita Brunei*. <http://www.pelitabrunoi.gov.bn/nasional/item/12235-berangkat-ke-majlis-sambutan-nuzul-al-quran-peringkat-negara-tahun-1435-hijrah>. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1435Hijrah/2014 Masihi. Lihat juga: Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. *Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya*. (2014). Brunei: Pusat Da'wah Islamiah. Hlm. iii-iv dan Kata-Kata Aluan Menteri Hal Ehwal Ugama. *Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya*. Hlm. v-vi.

Bahasa Inggeris. Dengan adanya terjemahan al-Qur'an terbitan Brunei sendiri ini mengurangkan kebergantungan masyarakat Brunei kepada terjemahan yang lain.

### 3. APLIKASI PINTAR MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM DAN TERJEMAHANNYA

Sebuah projek Aplikasi Mushaf Al-Qur'an Brunei Darussalam telah diusahakan oleh Pusat Dakwah Islamiah dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) dan Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam. Fasa pertama projek ini telah dilancarkan pada 30 Disember 2018 dalam strategi mempelbagaikan medium dakwah melalui penyebaran yang berkesan ke arah memperkasa budaya dan amalan penghayatan al-Qur'an di Brunei.


Proses peralihan daripada mushaf versi cetakan kepada versi digital telah bermula pada tahun 2015 dan untuk peringkat pertama ini, aplikasi tersebut dimuatkan dengan paparan Mushaf Brunei Darussalam, Mushaf Al-Quran Brunei Darussalam dan Terjemahannya dan paparan tutorial. Aplikasi ini akan terus dikemas kini secara berperingkat sehingga selesai dan juga akan dilengkapi dengan audio yang memuatkan suara tilawah al-Qur'an para qari tempatan.

Antara objektif aplikasi berkenaan ialah untuk menjadikan telefon bimbit dan tablet komputer sebagai media penyebaran Mushaf Al-Qur'an Brunei Darussalam dan Terjemahannya yang boleh dimuat turun dengan mudah dan sesuai dengan perkembangan teknologi terkini. Selain itu, ia juga memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk membaca al-Qur'an, sekali gus memahami dan menghayati isi kandungannya serta sebagai rujukan sahih yang boleh digunakan oleh umat Islam di Brunei dan seluruh dunia amnya.<sup>7</sup>

**Gambar 2**  
**Aplikasi Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya**

---

<sup>7</sup> Yusrin Junaidi. (2018). Aplikasi Mushaf Al-Quran Dilancarkan. *Media Permata*. 31 Disember 2018. <http://mediapermata.com.bn/aplikasi-mushaf-al-quran-dilancarkan/>



#### 4. MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM DAN TAFSIRANNYA

Pada masa ini, Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam usaha menerbitkan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya sebagai kesinambungan kepada Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya yang telah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lancarkan penerbitannya semasa Majlis Nuzul al-Qur'an Peringkat Negara bagi Tahun 1435H/2014M.<sup>8</sup>

Satu garis panduan penyusunan dan penyemakan projek penulisan dan penerbitan Tafsir ini telah diberikan untuk memudahkan kerja penyusunan dan menghindari daripada sebarang kesulitan atau kesamaran. Ia juga bertujuan untuk menghasilkan penyusunan yang menepati kaedah atau metodologi pentafsiran ayat al-Qur'an yang betul, memastikan kandungan teks tidak bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah al Jama'ah dan fiqh mazhab Syafi'e, menyeragamkan kerja penyusunan tafsir yang dilaksanakan secara beramai-ramai dan memudahkan kerja penyemakan di peringkat redaksi dan *masyayikh*.<sup>9</sup>

<sup>8</sup> Penulis dilantik sebagai salah seorang Panel Penyemak "Masyayikh" (مشايخ) Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya bermula dari 19 Oktober 2015M (Ruj: (23) KHEU.PDI 900/003).

<sup>9</sup> Unit Tafsir. (2015). *Panduan Penyusunan dan Penyemakan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya*. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah. (Bahan tidak diterbitkan).

Antara metode penyusunan tafsir ini adalah sebagaimana yang berikut:

(1) Metode:

- i. Menjelaskan maksud ayat-ayat al-Qur'an berdasarkan urutan ayat dan surah dalam Mushaf al-Qur'an.

- ii. Ayat-ayat tersebut dikelompokkan secara tematik.

(2) Tahap: Tahap penjelasan sederhana dan mudah.

- i. Sederhana: tanpa penjelasan yang terlalu luas dan mendalam; memadai untuk memberi kefahaman yang jelas mengenai maksud ayat.
- ii. Mudah: penggunaan dan pengolahan bahasa yang mudah difahami dan digunakan oleh masyarakat tempatan.

(3) Ciri:

- i. Memfokuskan kepada maksud ayat, tidak menyentuh aspek nahu, saraf, falsafah dan seumpamanya kecuali jika ada keperluan.
- ii. Memberi penjelasan yang mencukupi bagi aspek hukum, aqidah dan isu-isu yang berbangkit dalam masyarakat.
- iii. Menyentuh aspek sains setakat untuk menunjukkan *I'jaz Ilmi* dalam al-Qur'an.
- iv. Menjelaskan munasabah surah dan ayat untuk kefahaman maksud ayat dan menunjukkan kesinambungannya.
- v. Menjelaskan *asbab* atau *akhbar* nuzul surah dan ayat.
- vi. Menjelaskan kelebihan surah dan ayat.

(4) Rujukan utama: terdiri daripada kitab-kitab muktabar *Tafsir bi al-Ma'thur* (التفسير بالرأي بالمؤثر) dan *Tafsir bi al-Ra'y* (التفسير بالرأي) karangan ulama Ahli Sunnah wal Jama'ah; seperti paparan dalam jadual yang berikut:

### Jadual 1

#### Senarai Rujukan Utama Kitab-Kitab *Tafsir bi al-Ma'thur* dan *Tafsir bi al-Ra'y* bagi MBD dan Tafsirannya

Jenis Rujukan		Bil.	Nama Kitab	Nama Penulis
Rujukan Utama	<i>Tafsir bi al-Ma'thur</i>	1	Jami‘ al-Bayan ‘an Ta’wil ‘Aay al-Qur'an	Muhammad bin Jarir al-Tabari
		2	Tafsir al-Qur'an al-‘Azim	Abu al-Fida' Isma'il bin ‘Umar Ibnu Kathir

		3	Al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir bi al-Ma'thur	Jalal al-Din al-Suyuti
<i>Tafsir bi al-Ra'y</i>		4	Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an	Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi
		5	Al-Tafsir al-Kabir / Mafatih al-Ghayb	Fakhr al-Din al-Razi
		6	Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil	Nasir al-Din Al-Baydhawi
		7	Madarik al-Tanzil wa Haqa'iq al-Ta'wil	Abu al-Barakat Hafiz al-Din al-Nasafi
		8	Al-Siraj al-Munir	Muhammad Al-Khatib al-Sharbini

Sumber: Unit Tafsir. (2015). *Panduan Penyusunan dan Penyemakan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya*. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah.

Sementara itu, terdapat lima buah kitab dijadikan panduan utama dalam penyusunan tafsir ini; iaitu:

### Jadual 2 Senarai Panduan Utama bagi MBD dan Tafsirannya

Jenis Rujukan	Bil.	Nama Kitab	Nama Penulis
Panduan Utama	1	Safwat al-Tafasir	Muhammad 'Ali al-Sabuni
	2	Al-Tafsir al-Munir	Wahbah al-Zuhayli
	3	Tafsir al-Sha'rawi	Muhammad Mutawalli Al-Sha'rawi
	4	Zahrat al-Tafasir	Muhammad Abu Zahrah
	5	Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya	Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam

Sumber: Unit Tafsir. (2015). *Panduan Penyusunan dan Penyemakan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya*. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah.

Maksud "Rujukan Utama" ialah sandaran primer bagi pengisian Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya, manakala "Panduan Utama" ialah rujukan

sekunder yang dijadikan contoh dalam penyusunan tafsir ini. Kitab-kitab rujukan tafsir ini tidak terhad kepada yang disebutkan dalam senarai ini sahaja. Kitab dan buku tafsir yang lain serta buku-buku yang berkaitan dengan pelbagai bidang termasuk fiqh dan akidah juga dijadikan sebagai rujukan.

Setakat kajian ini dibuat, penilaian penyusunan Tafsir ini di peringkat *Masyayikh* adalah setakat Juz Ketiga. Penulis mengakui tanggungjawab penyusunan Tafsir ini adalah amat besar dan memerlukan perhatian sepenuhnya serta penilaian yang mendalam. Pada 09 Januari 2020M, sebuah majlis doa selamat diadakan bagi memulakan proses pencetakan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya - Juz 1 yang berlangsung di Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya ini mengandungi penjelasan hubungan ayat Al-Qur'an dengan sebelumnya, sebab turun ayat (asbabun nuzul), tafsirannya serta inti sari dan pengajaran ayat. Selain itu, Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya ini juga adalah satu usaha untuk menjelaskan isi kandungan Al-Qur'an dengan bahasa dan penyampaian yang mudah difahami oleh masyarakat Brunei. Ia diharap akan dapat mengukuhkan lagi perpaduan masyarakat Brunei dalam memahami ajaran Islam melalui pentafsiran ayat Al-Qur'an yang berasaskan kepada fahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah aliran Al-Asya'irah/Al-Maturidiyah dan Fiqh Mazhab Syafi'e. Pada permulaan ini, jumlah bagi cetakan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya yang bersaiz buku dengan ukuran 17cm x 23cm ialah sebanyak 2,500 naskhah.<sup>10</sup> Ia telah mula dijual pada tahun 2020 ini juga di Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam.

### Gambar 3

#### Iklan Hebahann Penjualan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya Juz 1

---

<sup>10</sup> Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad. (2020). Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya mula dicetak. Pelita Brunei. Tahun 65 / Bil 5. 11 Januari 2020. [http://www.pelitabrunei.gov.bn/Arkit%20Dokumen/2020/PelitaBrunei\\_110120.pdf](http://www.pelitabrunei.gov.bn/Arkit%20Dokumen/2020/PelitaBrunei_110120.pdf).



### Program Tafsir dan Tadabbur al-Qur'an

Negara Brunei Darussalam dikenali dengan konsep Negara Zikir yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2007. Ia merupakan suatu azam agar Brunei selalu bersama-sama Allah s.w.t., yang sentiasa berhias dengan zikir dan menjadikannya rutin kebiasaan. Ia bertujuan agar Allah dengan rahmatNya memalingkan Brunei dari sebarang kesusahan dan bencana serta pelbagai anasir yang merosakkan keamanan. Hasrat Negara Zikir ini juga bermatlamat untuk sentiasa mengagungkan dan mengingati Allah s.w.t. di mana sahaja dan dalam apa jua keadaan, supaya Brunei selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaanNya.<sup>11</sup>

Usaha menjadikan Brunei sebagai negara yang mengutamakan pengajian berkaitan ilmu al-Qur'an semakin giat dengan pelaksanaan program berkaitan Tafsir dan Tadabbur al-Qur'an. Antaranya program "Pengajaran dari Al-Qur'an" iaitu sebuah program ceramah siaran televisyen Brunei yang mengetengahkan ceramah pendek berkaitan dengan Tafsir al-Qur'an. Program ini telah dimulakan pada tahun 2004 dengan siri surah-surah pendek dari Juzuk ke 30 dan kemudian diikuti dengan Juzuk Pertama. Sehingga kini, siri program tersebut belum tamat dan berada dalam tajuk Surah al-Anfaal.<sup>12</sup>

<sup>11</sup> Hajah Sarinah binti Haji Yahya. (2013). Sumbangan Negara Brunei Darussalam Ke Arah Transformasi Ummah Melalui Penyebaran Pengajian Al-Qur'an: Zaman Pascamerdeka 1984 Hingga Kini. *Quran Melonjak Transformasi Ummah*. Adnan Mohamed Yusuff, et. al. (Peny.). Kuala Lumpur: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Hlm. 617-618.

<sup>12</sup> Surat Ruj: KHEU/PPPQ/6/2003. Penulis adalah antara penceramah yang dilantik dalam program ini pada tahun 2004, 2016 dan 2019.

Selain itu, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) juga mengusahakan pengajian berkaitan Tafsir al-Qur'an yang dibukakan kepada masyarakat awam. Pada tahun 2016, sebuah kelas pembelajaran untuk memahami dan menghayati al-Qur'an telah dimulakan atas permintaan Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam. Penulis dilantik sebagai tenaga pengajar utama untuk pengajian kelas tersebut. Pada peringkat awal, ia hanya dikhurusukan untuk peserta wanita sahaja terdiri daripada ahli-ahli persatuan tersebut, persatuan wanita muslimah masjid-masjid dan individu yang berminat. Melihat kepada sambutan yang menggalakkan selama dua kali sesi berjalan, maka UNISSA mengambil inisiatif menjadikannya sebuah program di bawah kendalian Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan kerjasama Fakulti Usuluddin UNISSA. Beberapa urusan berkaitan dengannya diubahsuai demi menjadikannya lebih berkualiti dan efektif.<sup>13</sup>

Program tersebut dinamakan Program Tadabbur al-Qur'an dan diadakan untuk membimbing masyarakat awam dalam memberikan kefahaman dan penghayatan kepada al-Qur'an melalui rujukan dan kitab-kitab tafsir yang muktabar. Ini selaras dengan konsep Negara Zikir dan rakyat celik al-Qur'an sepetimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.<sup>14</sup>

Sebuah jawatankuasa telah dibentuk untuk menjalankan program ini yang bermula pada sesi pengajian 2017/2018. Setakat ini, program ini sudah memasuki kali ketiga diadakan dan masih dibukakan setiap sesi pengajian di UNISSA. Antara objektif program ini ialah:

1. Memberikan kefahaman al-Qur'an dan penghayatan yang betul kepada para peserta bersumberkan kitab tafsir yang muktabar.
2. Melahirkan peserta yang mencintai, memahami dan menghayati al-Qur'an dalam kehidupan seharian seterusnya mendekatkan diri kepada Allah.

<sup>13</sup> Sarinah Yahya. (2018). *Tadabbur Al-Qur'an Istilah Qur'ani Yang Terabai: Usaha Universiti Islam Sultan Sharif Ali Dalam Pemerksaannya. Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu Pemikiran, Falsafah, Dakwah dan Kebudayaan*. Mohd Roslan Mohd Nor, Khader Ahmad & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff (Peny.). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Hlm. 26.

<sup>14</sup> <http://www.unissa.edu.bn/faculties-centres/centres/leadership-and-lifelong-learning-centre/short-courses/program-tadabbur-al-quran/>

3. Merealisasikan konsep Negara Zikir dan celik al-Qur'an sepetimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
4. Sebagai sumbangan dan khidmat bakti Universiti Islam Sultan Sharif Ali amnya dan Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat khasnya dalam usaha memartabatkan al-Qur'an al-Karim sebagai sumber utama ajaran Islam di Negara Brunei Darussalam.

**Gambar 4****Poster Iklan Hebahan Program Tadabbur Al-Qur'an UNISSA****Pendekatan *Service-Learning* dalam Pembelajaran Tafsir**

*Service-Learning* (S-L) atau pembelajaran berdasarkan khidmat<sup>15</sup> adalah satu pendekatan atau kaedah pengajaran dan pembelajaran yang memberikan khidmat kepada masyarakat. Ia juga menggabungkan objektif pembelajaran akademik, kemahiran interpersonal dan khidmat bakti pelajar dalam memberikan sumbangan yang bermanfaat kepada masyarakat.<sup>16</sup> S-L juga merupakan satu bentuk inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Ia seringkali disalah faham sebagai khidmat masyarakat, bahkan kedua-duanya adalah berbeza. Khidmat masyarakat (*community service*) lebih fokus kepada usaha memenuhi keperluan penerima khidmat yang diberikan iaitu masyarakat, dengan

<sup>15</sup> Najah Nadiah Amran, Maznah Ibrahim, Rosilah Hassan & Khaidzir Ismail. (2016). Pendekatan Service-Learning dalam Kursus Kemahiran Insaniah: Transformasi Positif dalam Kalangan Pelajar Perubatan UKM-UNPAD. *Jurnal Personalia Pelajar* 19 (1) (2016). Hlm. 18.

<sup>16</sup> Ibid.

sedikit atau hampir tiada penekanan dari segi hasil pembelajaran yang diraih oleh pemberi khidmat iaitu pelajar<sup>17</sup>.

Najah Nadiah Amran dan Hamdi Ishak (2016) menyebutkan bahawa S-L ini merupakan sebahagian daripada elemen pengajaran dan pembelajaran yang telah dipraktikkan dalam kisah al-Qur'an dan sirah Nabi s.a.w. Antara contoh S-L dalam kisah al-Qur'an ialah seperti kisah Nabi Musa a.s. bersama hamba Allah yang salih iaitu Khidhir a.s yang direkodkan dalam surah al-Kahfi ayat 77 dan 82; iaitu kisah Khidhir membetulkan dinding rumah yang hamper roboh dan hikmah perbuatannya itu. Usaha Khidhir membaiki dinding tersebut adalah satu bentuk khidmat (*service*) dan hikmah tersirat dari perbuatannya itu adalah satu bentuk pengajaran dan pembelajaran (*learning*).<sup>18</sup>

Pendekatan S-L ini disenaraikan sebagai amalan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berimpak tinggi (*high impact educational practice*) di kebanyakan universiti terkemuka dunia. Ia mengandungi gabungan tiga elemen penting iaitu: (a) objektif pembelajaran akademik, (b) kemahiran interpersonal dan (c) khidmat pelajar kepada masyarakat. S-L juga berdasarkan konsep pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*) yang membolehkan pelajar mengaplikasikan teori yang mereka pelajari dalam kelas kepada penyelesaian masalah dalam situasi masyarakat dunia yang sebenar.<sup>19</sup> Dengan tidak secara langsung juga, pelajar memperoleh kemahiran insaniah (*soft skills*) yang sangat diperlukan apabila menamatkan pengajian universiti dan terlibat dalam dunia pekerjaan yang mencabar.

Pendekatan ini adalah sesuatu yang baru bagi institusi pengajian tinggi di Brunei, khususnya bidang pengajian Islam di UNISSA. Faktor kurang peka atau cetek informasi mengenainya membawa kepada praktikal dan pengamalan yang rendah dalam penggunaan pendekatan ini bagi jurusan pengajian Islam. Penulis

<sup>17</sup> Maharam Mamat, Najah Nadiah Amran, Zainab Ismail, Maznah Ibrahim, Hamdi Ishak & Suria Baba. (2019). "Service-Learning in Malaysia: Practice and Implementation in Four Public Universities". *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCIET)*. Vol.10, Issue 04, April 2019. Hlm. 1683.

<sup>18</sup> Najah Nadiah Amran & Hamdi Ishak. (2016). Melestarikan Nilai Keber tanggungjawaban Sosial Terhadap OKU Melalui Service-Learning: Pengalaman Latihan Industri Pelajar FPI, UKM. *Prosiding Seminar Serantau Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya 2016*. Bangi: Persatuan Intelektual Muslim Malaysia. Hlm. 130.

<sup>19</sup> Najah Nadiah Amran & Hamdi Ishak. (2017). Service-Learning Bersama OKU: Pengalaman Latihan Industri Pelajar FPI, UKM. *Jurnal al-Turath*. Vol. 2, No. 1; 2017. Hlm. 2.

mendapati dari pengamatan di Fakulti Usuluddin UNISSA, hanya jurusan pengajian Aqidah dan Dakwah melaksanakan pendekatan S-L ini dengan inisiatif peribadi para pensyarah yang terlibat mengajar kursus berkaitan dakwah. Lalu penulis terpanggil untuk mencubanya dalam kerja kursus (*coursework*) berkaitan dengan Tafsir al-Qur'an menerusi usaha pertama hanya dengan mengadakan pembentangan kerja kursus secara terbuka dalam bentuk mini seminar di dalam kampus. Pembentangan para pelajar tersebut adalah untuk memenuhi pemarkahan kerja kursus bagi kursus UT4305 Al-Dakhil fi al-Tafsir. Pembentangan dilakukan selama tiga sesi dengan hebahan kepada seluruh warga kampus dan masyarakat awam. Ia juga disiarkan secara lintas langsung melalui aplikasi *Instragram* mahasiswa/i Fakulti Usuluddin UNISSA.

**Gambar 5**

**Poster Iklan Hebahani Program Mini Seminar Kisah-Kisah Isra'iliyyat**



Sementara tajuk-tajuk pembentangan pelajar adalah seperti yang berikut:

**Jadual 3**

**Tajuk Pembentangan Kerja Kursus UT4305 Al-Dakhil fi Al-Tafsir Sesi 2018/19**

No.	Tajuk dalam Bahasa Arab	Terjemahan Tajuk
1	الإسرائيليات في قصة يوسف	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Yusuf a.s.
2	الإسرائيليات في قصة هاروت وماروت	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Harut dan Marut
3	الإسرائيليات في قصة قتل داود جالوت	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Nabi Daud a.s. Membunuh Jalut

4	الإسرائيليات في قصة يأجوج ومجوج	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Ya'juj dan Ma'juj
5	الإسرائيليات في إفساد بني إسرائيل	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Orang yang Melakukan Kerosakan Terhadap Bani Israil
6	الإسرائيليات في قصة آدم عليه السلام	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Adam a.s.
7	الإسرائيليات في لواح التوراة	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Papan Tulisan Taurat
8	الإسرائيليات في قصة أیوب	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Ayyub a.s.
9	الإسرائيليات في الماندة التي طلبها الحواريون	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Hidangan Yang Dituntut oleh Golongan Hawariyyun
10	الإسرائيليات في قصة بلقيس ملكة سبا	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Balqis Ratu Saba'
11	الإسرائيليات في قصة أصحاب الكهف	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Ashab al-Kahf
12	الإسرائيليات في قصة سليمان	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Sulaiman a.s.
13	الإسرائيليات في قصة التابوت	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Tabut
14	الإسرائيليات فيما يتعلق بعمر الدنيا وبدء الخلق	Al-Isra'iliyyat berkaitan dengan Usia Dunia dan Asal Usul Kejadian
15	الإسرائيليات في قصة الذبيح وأنه إسحاق	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Penyembelihan dan Yang Disembelih ialah Nabi Ishak a.s.
16	الإسرائيليات في قصة ذي القرنين	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Zulqarnain
17	الإسرائيليات في بناء الكعبة	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Pembinaan Ka'bah
18	الإسرائيليات في قصة سفينية نوح	Al-Isra'iliyyat dalam Kisah Bahtera Nabi Nuh a.s.

Sumber: Pro Forma Kursus UT4305 Al-Dakhil fi Al-Tafsir, Fakulti Usuluddin, UNISSA<sup>20</sup>

<sup>20</sup> Rujukan utama bagi tajuk-tajuk pembentangan kerja kursus ini dipilih oleh para pelajar dari kitab “*Al-Isra’iliyyat wa al-Mawdu’at fi Kutub al-Tafsir*” nukilan Dr Muhammad Abu Shahbah dan terjemahan kitab ini dalam Bahasa Melayu “*Israeliiyyat dan Hadith Palsu dalam Kitab-Kitab Tafsir*” terjemahan Hasnan bin Kasan.

Hasil daripada aktiviti pembentangan ini, penulis mendapat peningkatan pencapaian bagi pelajar-pelajar yang sebelumnya tidak begitu menyerlah. Kategori pelajar seperti ini dilihat lebih berbakat dalam penyediaan bahan pembentangan dan penyampaian ilmu. Oleh kerana itu, penulis sebagai pensyarah kursus pengkhususan Tafsir telah memikirkan pendekatan S-L ini untuk kursus-kursus Tafsir yang lain.

Pada sesi berikutnya, penulis melaksanakan satu program melalui pendekatan S-L ini iaitu “Program Sebarkan Tadabbur al-Qur'an”. Ia dikendalikan oleh para pelajar tahun 4 pengkhususan Tafsir dan Hadith, Fakulti Usuluddin UNISSA. Ia juga dikira dalam penilaian kursus UT4303 Manahij Al-Tafsir Wa Ittijahatuhu bagi tahun 4, semester 1, sesi pengajian 2019/2020. Penilaian tersebut sebanyak 25% merangkumi penulisan kertas kerja (*assignment*) dan pembentangan. Aktiviti ini diadakan pada 19 Oktober 2019 di dewan persidangan Kuala Belait dengan menyasarkan audiens kalangan pelajar-pelajar sekolah Arab, sekolah menengah dan orang awam di daerah tersebut.

Program ini membawa tema “Al-Qur'an & Sains” bertujuan untuk mengenalkan Tadabbur al-Qur'an dan menyebarkan pengetahuan mengenainya menerusi penelitian tafsiran ayat-ayat al-Qur'an secara saintifik. Tema ini dipilih bagi menarik perhatian sasaran audiens. Pemilihan tempat di daerah Belait pula adalah untuk memberi peluang penduduk di sana mendapatkan ilmu berkaitan al-Qur'an. Sebelum ini program sebegini lebih tertumpu di kampus UNISSA dan di daerah Brunei-Muara sahaja. Ini sedikit sebanyak menyukarkan penduduk yang jauh untuk datang menimba ilmu pengetahuan. Juga memberi pendedahan kepada para mahasiswa/i khususnya dari bidang Tafsir dan Hadith untuk menerokai dakwah dengan al-Qur'an.

Rasional mengadakan program ini adalah seperti yang berikut:


1. *Min al-Jami'ah ila al-Mujtama'* (من الجامعة إلى المجتمع) (*From the university to the society*).
2. Menggalakkan para mahasiswa/i untuk keluar dari zon selesa (*comfort zone*) dan menerapkan pemikiran yang kritikal.
3. Mengadakan program-program dan aktiviti-aktiviti di luar universiti bagi menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat awam.

Antara objektif program pula adalah untuk membangun dan meningkatkan mentaliti para audiens untuk terus mendalamai ilmu-ilmu yang ada di dalam al-Qur'an, meningkatkan ilmu pengetahuan dan kesedaran para pelajar sekolah dan orang awam untuk memahami tafsiran al-Qur'an secara lebih mendalam serta mengeratkan silaturrahim antara para mahasiswa/i UNISSA dengan masyarakat

luar dengan cara turun padang bertemu dengan mereka dan memberikan sumbangan khidmat ilmu.

### Gambar 6

#### Poster Iklan Hebahan Program Sebarkan Tadabbur Al-Qur'an "Al-Qur'an & Sains"



Sementara tajuk-tajuk pembentangan pelajar adalah seperti yang berikut:

### Jadual 4

#### Tajuk Pembentangan Kerja Kursus UT4303 Manahij Al-Tafsir Wa Ittijahatuhu Sesi 2019/20

No.	Tajuk
1	Penciptaan Alam Semesta
2	Tumbuh-Tumbuhan
3	Makanan dan Minuman
4	Fenomena Kejiwaan
5	Penciptaan Manusia
6	Keplunahan Kehidupan Manusia

Sumber: Kertas Cadangan Program Sebarkan Tadabbur Al-Qur'an, Fakulti Usuluddin, UNISSA (2019).<sup>21</sup>

<sup>21</sup> Rujukan utama pemilihan tajuk-tajuk pembentangan ini adalah berdasarkan kompilasi buku Tafsir Ilmi terbitan Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Qur'an, Badan Litbang dan

Program yang dijalankan melalui pendekatan S-L ini telah mendapat respon yang positif dari para jemputan dan masyarakat awam yang menghadirinya. Para pelajar yang terlibat juga semakin bersemangat dan mendapat motivasi untuk mengadakannya lagi di masa akan datang bagi kursus-kursus Tafsir yang lain.

Dari sini jelas menunjukkan inovasi dalam aspek pengajaran dan pembelajaran dalam apa jua bidang ilmu adalah ciri penting untuk dibudayakan. Lebih-lebih lagi bagi bidang Pengajian Islam secara amnya dan pelajaran Tafsir al-Qur'an secara khasnya kerana ilmu Tafsir memerlukan daya ingatan yang kuat dan pemikiran mendalam terhadap ayat-ayat al-Qur'an. Ini kerana seorang pelajar pada asasnya memiliki tiga tahap kognitif yang berbeza semasa proses pengajaran dan pembelajaran; iaitu (i) tahap tinggi, (ii) tahap sederhana dan (iii) tahap rendah. Perbezaan tahap kognitif pelajar ini memerlukan kreativiti guru untuk berinovasi dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mengikut perbezaan tahap kognitif para pelajar.<sup>22</sup> Pendekatan S-L ini pada pandangan penulis adalah sangat relevan dengan aspek inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran Tafsir al-Qur'an.

Selain itu, terdapat banyak lagi bentuk inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran Tafsir al-Qur'an sebagaimana kajian Norullisza Khosim dan rakan-rakan (2018)<sup>23</sup> yang antara lain menyebutkan lima bentuk inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Tafsir Maudu'i; iaitu: (i)Lakonan, (ii) Wayang Kulit atau Animasi, (iii) Multimedia, (iv) Muzik dan Lirik Lagu, dan (v) Choral Speaking. Penulis setakat ini baru menjalankan usaha inovasi dengan pendekatan S-L dalam bentuk seminar, pameran dan multimedia yang juga melibatkan kreativiti para pelajar.

---

Diklat, Kementerian Agama Republik Indonesia yang boleh dicapai di laman sesawang <https://pustakalajnah.kemenag.go.id/>

<sup>22</sup> Kamarul Azmi Jasmi. (2016). Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Kamarul Azmi Jasmi (Peny.). Skudai, Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Perastuan Cendekiawan Pendidikan Islam. Hlm. 56.

<sup>23</sup> Norullisza Khosim, Hayati Hussin & Abdullah Salaeh. (2018). Lima Bentuk Inovasi dalam pengajaran dan Pembelajaran Subjek Tafsir Maudu'i dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. SeFPIA 2018. Special Edition. Hlm. 650.

## 5. HASIL KREATIVITI PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN TAFSIR

Pengajaran dan pembelajaran bidang Tafsir al-Qur'an selalunya berbentuk tradisional menerusi kuliah di dalam bilik-bilik kuliah. Penulis berpendapat pengajaran dan pembelajaran Tafsir al-Qur'an memerlukan lebih daripada sekadar penyampaian ilmu iaitu dengan aktiviti secara praktikal. Ini lebih menepati konsep "العلمُ والعمل" (ilmu dan amal) yang dipraktikkan oleh para Sahabat r.a. dalam mempelajari al-Qur'an.<sup>24</sup> Bagi pendapat penulis, aktiviti praktikal dalam pengajaran dan pembelajaran memerlukan tahap kreativiti yang bersesuaian. Kreativiti memainkan peranan utama dalam usaha pembaharuan atau inovasi. Tradisi keilmuan Islam mengaitkan daya cipta atau kreativiti manusia dengan daya khayal atau imaginasi. Daya imaginasi ini secara amnya merujuk kepada sifat, pembawaan dan peranan yang terdapat dalam dua indera dalam manusia; iaitu daya khayalan dan daya objek khayalan.<sup>25</sup>

Bertitik tolak dari konsep ilmu dan amal serta daya kreativiti ini, satu perancangan awal dan pengenalan dilaksanakan sebagai satu usaha kreativiti dan inovasi dalam pengajian Tafsir. Usaha seperti ini menzahirkan kreativiti para pelajar dalam menyampaikan ilmu berkaitan Tafsir al-Qur'an. Ia adalah projek mahasiswa Fakulti Usuluddin pada tahun 2016 dalam program *Suhwatul Ummah (Awakening The Ummah)* anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Keugamaan dan Kerohanian Majlis Perwakilan Pelajar. Antara objektif program ini adalah bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir, selain menyahut visi dan misi UNISSA untuk menjadikan para mahasiswa dan mahasiswi bergiat aktif dan kreatif dalam mengadakan program-program berunsur keugamaan. Mereka juga dapat mempraktikkan ilmu-ilmu

<sup>24</sup> Seperti yang diriwayatkan oleh seorang *Tabi'in*, Abu Abd Rahman al-Sulami yang menceritakan perihal para Sahabat r.a. huffaz al-Qur'an bahawa apabila turun kepada mereka sepuluh ayat (atau diajarkan kepada mereka 10 ayat), mereka tidak akan mengambil ayat yang lain sehinggahalah mereka mengetahui ilmu dan amal yang terkandung dalam ayat tersebut. Mereka berkata: "Kami mempelajari al-Qur'an, ilmu dan amal secara serentak". Lihat: Ibnu Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad bin 'Abd al-Halim. (1997). *Muqaddimah fi Usul al-Tafsir*. Beirut: Dar Ibn Hazm. Hlm. 19 & Ibnu Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar Ibn Hazm. Hlm. 11.

<sup>25</sup> Lihat: Mohd Zaidi Ismail (Peny.). (2018). *Kreativiti dan Imagination dalam Psikologi Islami Pengamatan al-Ghazzali, al-Baghdaadi dan al-Razi*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Hlm. 3-5.

yang telah disampaikan kepada mereka di dalam kelas untuk dikongsikan bersama dengan orang ramai dengan cara yang betul agar dapat dipraktikkan di dalam kehidupan seharian. Dalam program ini, para pelajar Fakulti Usuluddin telah mengadakan satu ruang pameran bertemakan al-Qur'an dan sains yang dinamakan "Makmal Sains Usuluddin" bertujuan menghuraikan kaitan ayat-ayat al-Qur'an dan kejadian alam semesta. Hasil projek ini juga telah dibentangkan dalam Seminar Antara Universiti Pengajian Lepas Ijazah (SAPLI 2016) yang diadakan di UNISSA.<sup>26</sup>

Sementara itu, sebuah pameran bertemakan "al-Qur'an dan Sains" telah diadakan serentak dengan pembentangan kerja kursus yang telah diterangkan sebelum ini berkaitan dengan pendekatan *Service-Learning* dalam Program Sebarkan Tadabbur Al-Qur'an. Ia juga dikira dalam penilaian kursus UT4306 Al-Tafsir Al-Tahlili bagi tahun 3, semester 1, sesi pengajian 2019/2020. Penilaian tersebut sebanyak 25% merangkumi penulisan kertas kerja (*assignment*) dan pembentangan berbentuk pameran. Tajuk-tajuk pameran tersebut adalah seperti yang berikut:

### Jadual 5

#### Tajuk-Tajuk Pameran Program Sebarkan Tadabbur Al-Qur'an "Al-Qur'an & Sains"

No.	Tajuk Pameran
1	Makanan dan Minuman dalam al-Qur'an dan Sains
2	Keajaiban Air
3	Fenomena Alam Semesta
4	Kejadian Manusia

Dalam mengendalikan pameran ini, para pelajar diberikan peluang dan kebebasan sepenuhnya serta kreativiti ahli kumpulan masing-masing. Antara metode pameran yang dibuat adalah seperti poster, pertunjukan *slides*, pembuatan replika dan permainan. Walau bagaimanapun, ia dijalankan dengan menepati syarat metode *Tafsir Ilmi* antaranya mendahulukan nas al-Qur'an daripada fakta sains. Melalui pameran ini, para pelajar dapat mengadaptasikan

---

<sup>26</sup> Hajah Sarinah binti Haji Yahya. (2019). "Manifestasi Integrasi Ilmu Naqli dalam Kurikulum Pengajian Tinggi Menerusi Kajian Tafsir Al-Qur'an Saintifik di Negara Brunei Darussalam". *Proceedings International Conference on Islam in Malay World-IX ICONIMAD 2019*. Pattani: College of Islamic Studies, Prince of Songkla University. Hlm. 414-415.

hasil pembelajaran pendekatan *al-Tafsir al-Tahlili* yang mereka pelajari di dalam bilik kuliah secara teori. Apa yang menarik juga ialah penghasilan sebuah permainan kuiz hanya dengan menggunakan program *powerpoint* yang dihasilkan oleh kumpulan yang mempamerkan tajuk “Makanan dan Minuman dalam al-Qur'an dan Sains”. Sungguhpun dilihat sebagai hasil yang sederhana, namun bagi pelajar yang berlatarbelakangkan bidang agama menjadi satu nilai tambah apabila mengaplikasikan teknologi dalam kerja kursus mereka.

**Gambar 7**

Powerpoint Kuiz Makanan dan Minuman dalam al-Qur'an



Penggunaan multimedia seperti ini juga merupakan satu bentuk inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran Tafsir al-Qur'an. Dari sudut pengkomputeran, multimedia merujuk kepada program dan produk yang menggunakan bunyi, filem, gambar dan teks biasa untuk menyampaikan ilmu dan informasi.<sup>27</sup>


Selain dari penggunaan *powerpoint* biasa ini, pelajar juga ada menghasilkan video pendek berkisar dengan tajuk pembentangan mereka melalui S-L yang disebutkan sebelum ini. Sungguhpun penghasilan video tersebut hanya menggunakan cara *cut, paste and edit* dari sumber-sumber video saluran *youtube* dan sebagainya, namun penulis merasakan tahap kreativiti para pelajar bercambah dengan merekacipta video untuk tugas kursus mereka. Hasilnya pelajar perlu memahamai maklumat yang terkait dengan topik perbincangan dan pembentangan, serta dalam masa yang sama juga mempraktikkan proses penciptaan multimedia itu sendiri. Ini lebih menunjukkan kemampuan pelajar

<sup>27</sup> Norullisza Khosim, et. al., (2018). Lima Bentuk Inovasi dalam pengajaran dan Pembelajaran Subjek Tafsir Maud'i. Hlm. 653.

mengadaptasi ilmu yang mereka peroleh dalam kursus multimedia yang mereka pelajari.

### Gambar 8

#### Video Pendek Al-Qur'an dan Sains untuk Kerja Kursus UT4303 Manahij Al-Tafsir Wa Ittijahatuhu



## 6. KESIMPULAN

Ilmu Tafsir al-Qur'an masa kini perlu diperluaskan dengan usaha inovasi dan kreativiti. Sungguhpun tidak dapat dipisahkan dari metode tradisional secara kuliah atau ceramah, namun penggunaan sesuatu kaedah dan pendekatan inovatif dilihat bersesuaian dengan konsep ilmu dan amal dalam mempelajari serta memahami al-Qur'an. Negara Brunei Darussalam dengan bentuk fizikalnya yang kecil diakui agak terkebelakang dalam menghasilkan inovasi berkaitan dengan al-Qur'an. Namun dalam masa yang sama, usaha yang telah, sedang dan akan dilaksanakan ini tidak boleh dipandang ringan. Seiring dengan kemajuan semasa, teknologi dan keintelektuan, Brunei amat komited untuk terus mengorak langkah inovasi berkaitan ilmu Tafsir al-Qur'an.

## RUJUKAN:

Hajah Sarinah binti Haji Yahya. (2013). Sumbangan Negara Brunei Darussalam Ke Arah Transformasi Ummah Melalui Penyebaran Pengajian Al-Qur'an: Zaman Pascamerdeka 1984 Hingga Kini. *Quran Melonjak Transformasi Ummah*. Adnan Mohamed Yusuff, et. al. (Peny.). Kuala Lumpur: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

- \_\_\_\_\_. (2019). Manifestasi Integrasi Ilmu Naqli dalam Kurikulum Pengajian Tinggi Menerusi Kajian Tafsir Al-Qur'an Saintifik di Negara Brunei Darussalam. *Proceedings International Conference on Islam in Malay World-IX ICONIMAD 2019*. Pattani: College of Islamic Studies, Prince of Songkla University.
- Hajah Siti Zuraiyah Haji Sulaiman. (2014). Berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1435 Hijrah. *Pelita Brunei*. <http://www.pelitabrunei.gov.bn/nasional/item/12235-berangkat-ke-majlis-sambutan-nuzul-al-quran-peringkat-negara-tahun-1435-hijrah>
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ibnu Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad bin 'Abd al-Halim. (1997). *Muqaddimah fi Usul al-Tafsir*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah. (1408H). *Al-Isra'iliyyat wa al-Mawdu'at fi Kutub al-Tafsir*. Kaherah: Maktabat al-Sunnah.
- \_\_\_\_\_. (2006). *Israeliiyyat dan Hadith Palsu dalam Kitab-Kitab Tafsir*. Hasnan bin Kasan (Penterjemah). Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2016). Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Kamarul Azmi Jasmi (Peny.). Skudai, Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Perastuan Cendekiawan Pendidikan Islam.
- Maharam Mamat, Najah Nadiah Amran, Zainab Ismail, Maznah Ibrahim, Hamdi Ishak & Suria Baba. (2019). Service-Learning in Malaysia: Practice and Implementation in Four Public Universities. *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCIET)*. Vol.10, Issue 04, April 2019.
- Mohamad Redha Mohamad, Nik Mohd Nabil Ibrahim @ Nik Hanafi & Muhammad Firdaus Abdul Manaf. (2017). Inovasi Al-Quran: Kelebihan, Cabaran dan Solusi. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)*. Malaysia: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd Zaidi Ismail (Peny.). (2018). *Kreativiti dan Imagination dalam Psikologi Islami Pengamatan al-Ghazzali, al-Baghdadi dan al-Razi*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya*. (t.t.). t.p. Jld. 1. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah.
- Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya*. (2014). Brunei: Pusat Da'wah Islamiah.

- Najah Nadiah Amran & Hamdi Ishak. (2016). Melestarikan Nilai Keber tanggungjawaban Sosial Terhadap OKU Melalui Service-Learning: Pengalaman Latihan Industri Pelajar FPI, UKM. *Prosiding Seminar Serantau Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya 2016*. Bangi: Persatuan Intelektual Muslim Malaysia.
- \_\_\_\_\_. (2017). Service-Learning Bersama OKU: Pengalaman Latihan Industri Pelajar FPI, UKM. *Jurnal al-Turath*. Vol. 2, No. 1; 2017.
- Najah Nadiah Amran, Maznah Ibrahim, Rosilah Hassan & Khaidzir Ismail. (2016). Pendekatan Service-Learning dalam Kursus Kemahiran Insaniah: Transformasi Positif dalam Kalangan Pelajar Perubatan UKM-UNPAD. *Jurnal Personalia Pelajar* 19 (1) (2016).
- Norullisza Khosim, Hayati Hussin & Abdullah Salaeh. (2018). "Lima Bentuk Inovasi dalam pengajaran dan Pembelajaran Subjek Tafsir Maud'i dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM". *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. SeFPIA 2018. Special Edition.
- Sarinah Yahya. (2015). Manhaj Tafsiran Ayat Sifat Dalam Mushaf Brunei Darussalam Dan Terjemahannya. *Prosiding Seminar Serantau Sumbangan Ulama Ash'a'irah dan Maturidiyyah dalam Pemantapan Akidah Islamiyah*. Brunei: Fakulti Usuluddin, UNISSA.
- \_\_\_\_\_. (2018). Tadabbur Al-Qur'an Istilah Qur'ani Yang Terabai: Usaha Universiti Islam Sultan Sharif Ali Dalam Pemerksaananya. *Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu Pemikiran, Falsafah, Dakwah dan Kebudayaan*. Mohd Roslan Mohd Nor, Khader Ahmad & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff (Peny.). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. (2019). Sejarah Perkembangan Pengajian dan Penulisan Al-Qur'an di Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Ar-Ra'iq*. Vol. 2, No. 2. December 2019. Hlm. 91-92. [www.unissa.edu.bn/journal/index.php/ar-raiq/article/view/91/91](http://www.unissa.edu.bn/journal/index.php/ar-raiq/article/view/91/91).
- Unit Tafsir. (2015). *Panduan Penyusunan dan Penyemakan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya*. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah Brunei. (Bahan tidak diterbitkan).
- Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi. (2020). Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya mula dicetak. *Pelita Brunei*. Tahun 65 / Bil 5. 11 Januari 2020. [http://www.pelitabrunei.gov.bn/Arkip%20Dokumen/2020/PelitaBrunei\\_110120.pdf](http://www.pelitabrunei.gov.bn/Arkip%20Dokumen/2020/PelitaBrunei_110120.pdf).

- Yusrin Junaidi. (2018). Aplikasi Mushaf Al-Quran Dilancarkan. *Media Permata*. 31 Disember 2018. <http://mediapermata.com.bn/aplikasi-mushaf-al-quran-dilancarkan/>.
- Za'im Zaini. (2017). "Ministry begins work on Tafsir Darussalam". *Borneo Bulletin*. 26 June 2007, <http://www.brusearch.com/news/11381>.  
<https://pustakalajnah.kemenag.go.id/>  
<http://www.unissa.edu.bn/faculties-centres/centres/leadership-and-lifelong-learning-centre/short-courses/program-tadabbur-al-quran/>